

Muhyiddin nafi dakwaan BERSATU Selangor dikuasai kartel

Putrajaya: Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin menafikan dakwaan parti diterajui-nya itu dikuasai kartel pada peringkat Selangor.

Merujuk dakwaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selat Kelang, Datuk Abdul Rashid Asari yang memberi alasan itu sebagai punca menyokong Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, Muhyiddin berkata, BERSATU ada peraturan yang perlu dipatuhi.


Kata Ahli Parlimen Pagoh yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu, BERSATU juga bergerak berdasarkan perlembagaan.

“Tiada kartel, dia kata kartel. Parti ini bergerak atas dasar perlembagaan, ada peraturan, Datuk Rashid jadi Timbalan Pengerusi Badan Pimpinan (BERSATU) negeri, kalau kartel, (maknya) berkartel dengan di-
alah.

“Mana ada kartel, jangan cari sebab apabila melakukan kesilapan besar, malah tuduh parti buat itu, satu perbuatan tidak bertanggungjawab,” katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Muhyiddin sebelum itu menyerahkan dokumen cadangan pindaan perlembagaan BERSATU kepada Jabatan Pendaftar Pertubuhan (ROS).

Beliau hadir bersama Naib



Muhyiddin bersama Hamzah (dua dari kiri) menunjukkan dokumen pindaan perlembagaan BERSATU pada sidang media di pejabat ROS, Putrajaya, semalam. (Foto Aizuddin saad/BH)

Presiden, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dan Setiausaha Agung, Datuk Seri Hamzah Zainudin.

Media sebelum ini melaporkan Abdul Rashid mendakwa, BERSATU Selangor dikuasai kartel dipimpin individu 'baru sehari dua' menyertai parti terbabit sebagai punca beliau menyokong Amirudin yang juga Naib Presiden PKR Pusat.

ADUN itu juga menolak dakwaan merajuk sebab dilucutkan jawatan Ketua Badan Pimpinan BERSATU negeri, sebaliknya menegaskan ia kerana beliau bera-
sara tidak diperlukan parti lagi selepas sembilan tahun bekerja keras menubuhkan BERSATU Selangor.

Pada 6 Mac lalu, Abdul Rashid mengumumkan menyokong pen-

tadbiran Amirudin tanpa paksaan dan yakin tindakan itu akan memanfaatkan penduduk Selat Klang menerusi kerajaan yang stabil.

Tindakannya itu juga menjadikan beliau wakil rakyat BERSATU ketujuh yang menyatakan sokongan kepada lawan selepas enam Ahli Parlimen parti itu berbuat demikian sebelum ini.